

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan pelan Kementerian untuk membangunkan perumahan KEDA generasi kedua khusus di daerah Sik dan daerah lain di negeri Kedah.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pada masa kini, tiada pelan yang spesifik untuk membangunkan perumahan KEDA untuk generasi kedua di Negeri Kedah. Projek-projek perumahan yang dilaksanakan kini adalah meliputi 2 konsep pembangunan perumahan secara tersusun yang dijalankan oleh KEDA sebagai agensi pelaksana iaitu Program Pemajuan Kawasan (PPK) dan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD).

Pembangunan PPK dan PPD ini adalah tertakluk kepada kesediaan tanah milik KEDA yang perlu dikemukakan permohonan peruntukan kepada EPU, JPM sepertimana yang dilaksanakan di PPK Hujung Keton daerah Pendang, PPK Kubang Kenyeng daerah Padang Terap, PPD Binjal daerah Kubang Pasu dan PPD Batu 42 daerah Baling.

KEDA akan meneliti sekiranya terdapat keperluan dan cadangan penempatan baharu di Negeri Kedah tertakluk kepada kesediaan tanah dan kelulusan peruntukan pembangunan untuk dilaksanakan.